

RESEARCH ARTICLE

KEMASUKAN PENGARUH ISLAM DALAM PEMBENTUKAN SEJARAH NEGARA BANGSA MALAYSIA

(The Influence of Islamization into Malaysian History)

Ahmad Farid Abdul Jalal¹, Rahimin Affandi Abdul Rahim², Mohamad Hilmi Mat Said⁴, Awang Azman Awang Pawi⁴

¹Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Malaysia

²Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

³Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pahang, Malaysia

⁴Akademi Pengajian Melayu, Universti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK - Sesuai dengan penegasan al-Quran, ilmu sejarah dapat dijadikan alat utama untuk mengetahui asas kenapa sesuatu fenomena berkembang dalam masyarakat. Berasaskan kepada teori ini, kajian ini akan menggunakan analisis kritikal yang dibuat terhadap sumber sejarah Malaysia. Hasilnya, kajian mendapati tiga faktor utama yang mencorakkan sejarah Malaysia. Ketiga faktor ini merangkumi kepercayaan Melayu pra Islam; impak Islam dalam masyarakat dan pengaruh penjajahan colonial British. Ternyata sekali ketiga-tiga pengaruh ini saling mempengaruhi antara satu sama dan ianya tetap dominan hingga pada zaman sekarang.

ABSTRACT - By referring to Qur'an, the science of history can be used as the main tool to explore the phenomenon of society development. Based on this theory, this study will use a critical analysis made on Malaysian historical sources. As a result, the study found three main factors that shaped the history of Malaysia. These three factors include pre-Islamic Malay beliefs; the impact of Islam in society and the influence of British colonialism. It turns out that these three influences influence each other and it remains dominant until today.

ARTICLE HISTORY

Received : 13th Feb. 2023
Revised : 10th Mar. 2023
Accepted : 15th April 2023
Published : 12th June 2023

KEYWORDS

Pengaruh Islam,
Sejarah Malaysia,
Sejarah Melayu,
Penjajahan Tanah Melayu,
Islam & Melayu,

1.0 PENGENALAN

Sejarah adalah ilmu terpenting bagi memantapkan pemikiran manusia. Kepentingan ilmu sejarah ini terbukti apabila sebahagian besar daripada kandungan al-Quran mengandungi maklumat sejarah umat yang terdahulu. Pengetahuan sejarah ini bersesuaian kemampuan akal manusia yang mampu melihat (Al-Quran 4: 82, 47: 22-24). merakam (Al-Quran 3: 190-191). menganalisa (Al-Quran 2: 164). membuat andaian dan ramalan (Abdul Halim el-Muhammady, 2002). tentang apa yang bakal terjadi di masa hadapan. Hal ini diberikan penekanan oleh al-Quran terhadap subjek sejarah umat nabi-nabi terdahulu (Al Quran 42: 13). untuk diambil iktibar oleh umat Islam bagi merangka program perancangan masa hadapan dengan lebih baik dan terancang.

Berasaskan kepada teori asas ini, kita boleh memetik beberapa pengajaran utama yang berkait dengan sejarah Malaysia. Antaranya, sesebuah masyarakat termasuk Malaysia dibentuk oleh sejarah masyarakatnya yang panjang. Asas ini kemudiannya menjadi sumber jati diri, kekuatan dan pemahaman yang perlu diingati seandainya sesuatu masalah terjadi. Mengikut Mahmud Syahrur, setiap manusia dalam menangani kehidupannya terpaksa bergantung kepada sejarah yang membabitkan tiga dimensi (telah lalu, sekarang dan akan datang). Ketiga-tiga dimensi ini perlu ditangani secara seimbang. Asas telah lalu (sejarah) tidak boleh ditinggalkan kerana ia merupakan pedoman berguna bagi kita menghadapi zaman sekarang dan akan datang. Warisan sejarah ini menjadi akar kekuatan diri setiap manusia, agar tidak melupakan akar umbi sejarahnya kerana tanpa akar umbi sejarah manusia akan hilang identitinya (seperti kiambang di atas air yang tiada bumi untuk ia menyalurkan akar yang menyebabkan ia tidak tahan lama).

Atas dasar itu, memang tepat pandangan Virginia Matherson - Malaysia dibentuk oleh perjalanan sejarah yang panjang. Bagi memahami masyarakat Malaysia amat perlu untuk mengetahui sejarah silam, setiap kronologi perkembangan sejarah membabitkan fakta dan tema yang muncul di setiap zaman yang sememangnya memberikan impak dalam masyarakat Malaysia semasa (Virginia Matherson, 2003).

1.1 Asas Sejarah Malaysia

Terdapat beberapa faktor dan tema penting dalam sejarah Tanah Melayu yang kemudiannya mempengaruhi sejarah Malaysia selepas merdeka. Ia terdiri daripada:

1.2 Kepercayaan Animisme Pra-Islam

Orang Melayu fanatik pada warisan leluhur pra Islam yang berasaskan animisme. Ia adalah kepercayaan setiap perkara dalam alam mempunyai semangat khusus yang dapat mempengaruhi kehidupan manusia. Walaupun orang Melayu terbuka dengan agama Islam yang datang kemudiannya, tetapi kepercayaan leluhur ini masih dikekalkan, diubahsuai dengan ajaran Islam sehingga melahirkan sinkretism Islam Melayu. Oleh kerana itu, faktor ini menyebabkan Islam dan kepercayaan animisme tetap wujud secara utuh dalam masyarakat Melayu Melayu. Ia turut diasaskan di atas sistem feodal yang berasaskan kasta (Yap Beng Liang, 1989). Jika dahulu masyarakat mempercayai ketinggian raja di bawah konsep devaraja, setelah kedatangan Islam konsep raja Melayu ini diperkukuhkan lagi dengan konsep khalifah Allah di atas muka bumi (Paul Wheatley, 1961). Ini bermakna, isinya tetap sama walaupun ia dipersembahkan dalam konsep yang berbeza.

1.3 Islam Asas Pembentuk Tamadun Dan Jati Diri Orang Melayu

Kedatangan Islam telah merubah masyarakat Melayu menjadi bangsa bermaruah. Merujuk khusus kepada Batu Bersurat Terengganu (BBT), dapat dikesan bagaimana konsep cara hidup Islam yang syumul telah diterapkan melaluinya. Pertamanya ia mengandungi keterangan tentang konsep Tauhid, turut dibuktikan dengan keterangan sistem perundangan Islam yang berupa gabungan antara undang-undang adat dan Islam (M.B. Hooker, 1976). Batu Bersurat Terengganu dimulakan dengan keterangan tentang kesempurnaan prinsip Tauhid. Apabila penulis BBT mencatatkan tentang Allah dan Rasulullah, pemahaman tentang konsep *Tauhid Uluhiyyah* (hanya Allah yang wajib di sembah) dan *Tauhid Rububiyyah* (Allah sebagai pendidik dan penjaga alam semesta) telah dapat dikesan dengan jelas. Tauhid merupakan asas terpenting ajaran Islam yang tidak ada tolak ansur di dalamnya. Menerusi pendekatan ini, seorang insan perlu maklum akan hakikat Tauhid di dalam setiap perbuatannya samada dalam berhubungan dengan Allah ataupun makhluk.

Bersamaan dengan konsep *Tauhid Uluhiyyah*, hal ini dilanjutkan dengan pemahaman *Tauhid Rububiyah* dengan mengikuti peraturan syariah Islam. Secara khususnya, hukum Islam boleh dianggap sebagai manual yang disediakan oleh Allah bagi menangani produk yang bernama manusia. Mengikut pandangan Islam, Allah bukan hanya berkuasa mencipta alam dan setiap makhluk, bahkan menjaga dan mendidik alam ini dengan menganugerahkan ajaran Islam.

Walaupun dalam banyak keadaan manusia mempunyai kemampuan *iradat* untuk menggunakan akal memahami dan memikirkan penyelesaian terbaik dalam menangani kehidupan, akan tetapi dari sudut pandangan Islam sifat dan peranan akal masih lagi terbatas yang perlu dibantu dengan peranan wahyu Allah (Rahimin Affandi Abd Rahim, 2000).

Pembinaan pemikiran manusia adalah didasarkan kepada keadaan persekitaran, iaitu apa yang dipelajari, didengar, dilihat, diberitahu dan dialami. Oleh itu, manusia masih jahil tentang sesuatu yang terdapat di luar persekitarannya. Hakikatnya, manusia jahil tentang (Ab. Aziz Mohd Zin, 1997);

- 1) Ilmu yang berada di luar tahap pemikiran insan seperti hal-hal ketuhanan,
- 2) Tujuan dan matlamat hidup manusia,
- 3) Peristiwa yang bakal berlaku di alam selepas mati seperti alam akhirat,
- 4) Perkara yang lebih baik untuk keperluan manusia.

Asas Tauhid ini kemudian telah melahirkan tamadun material dan intelektual Melayu. Pelbagai bentuk kerajaan Melayu-Islam telah muncul di kawasan Alam Melayu yang merangkumi Kerajaan Melaka, Aceh, Johor, Pahang, Kedah, Pattani, Brunei, Demak dan kerajaan di Kalimantan. Kesemua kerajaan ini menjalankan sistem undang-undang Islam yang syumul.

Buktinya, sehingga kini rantau Alam Melayu dikaitkan dengan faktor Islam sebagai asas terpenting. Terdapat tipologi yang membahagikan ras bangsa masyarakat dunia kepada lima jenis; Caucasian (kulit putih). Negroid (kulit hitam). Mongolian (kulit kuning). Red Indian (kulit merah) dan Melayu Polinensia (kulit sawo matang) (Mohd Yusof Hasan, 1991). Dalam kerangka pembahagian ini, ras Melayu Polinensia telah digunakan untuk merujuk kepada ras yang berpegang kepada ajaran Islam dan mendiami kawasan Nusantara yang merangkumi Gugusan Kepulauan Melayu - termasuk Borneo, Polinensia dan Madagaskar (Muhammad Yusoff Hashim, 1992). Sarjana Barat semasa telah memperkenalkan kawasan rantau Alam Melayu sebagai suatu kawasan penting dan eksklusif di dalam kerangka kajian *regional studies* – untuk subjek kawasan (geografi) masyarakat Islam.

Lebih penting lagi, Islam telah menjadi asas teras dalam pembentukan jati diri manusia Melayu. Hal ini membawa maksud;

- 1) Hanya Islam agama yang diterima oleh manusia Melayu dan dianggap satu kebanggaan yang harus dipertahankan;
- 2) Manusia Melayu menganggap bangsa Melayu sinonim dengan Islam. Sebarang usaha yang mencabar atau merosakkan Islam akan dianggap seperti mencabar identiti Melayu sendiri;
- 3) Islam asas paling *substance* dalam mencirikan pemikiran manusia Melayu;
- 4) Islam menjadi asas penyatuan terpenting dalam masyarakat Melayu;
- 5) Islam menjadi kuasa atau *force* penting dalam masyarakat Melayu. Kuasa ini menjadikan apa sahaja yang berkait dengan Islam akan sentiasa relevan dalam masyarakat Melayu.

Justeru, pemahaman ringkas tentang perkembangan Islam di Alam Melayu dapat dirujuk kepada teori yang diutarakan oleh S.M. Naquid al-Attas. Beliau menegaskan bahawa proses pengislaman di Alam Melayu telah melalui tiga zaman utama. *Pertama*, zaman antara tahun 1200-1400 iaitu zaman pengislaman masyarakat Melayu secara zahir dan luaran semata-mata (*nominal conversion*). *Kedua*, zaman antara tahun 1400-1700 yang dijelaskan sebagai zaman pengislaman masyarakat Melayu secara zahir dan batin yang telah menyebabkan tersebarnya ilmu pengetahuan yang cukup menggalakkan dalam pelbagai bidang pengajian Islam. *Ketiga*, zaman antara tahun 1700 ke atas yang digambarkan sebagai zaman penerusan idea daripada zaman kedua, yang akhirnya telah terganggu dengan kedatangan kuasa Barat ke Tanah Melayu (S.M. Naquid al-Attas, 1969). Walaupun memasuki era kemunduran Islam, ternyata asas pada era 1400-1700 masih dapat dipertahankan dan dijadikan pemangkin kepada perkembangan Islam di zaman terkemudian.

2.0 PENJAJAHAN BRITISH

Penjajahan British di Tanah Melayu bermula dengan tipu muslihat. Kesan jangka panjang akibat dari penjajahan ini amat besar di Tanah Melayu. British telah berjaya menyembunyikan niat jahat mereka untuk menjajah dan mengaut keuntungan hasil bumi dengan istilah naungan dan bukannya penjajahan. Usaha campurtangan ini dilakukan dengan pelbagai taktik dan muslihat, antaranya:

- 1) Memujuk dan mewujudkan sebab untuk membolehkan mereka campur tangan.
- 2) Menyokong raja Melayu yang akur dengan kehendak British.
- 3) Menghukum dengan kekuatan ketenteraan apabila ada sebarang bantahan. Bantahan dan penentangan akan dianggap sebagai penderhakaan kepada raja Melayu.
- 4) Memperkukuhkan sistem feudalism Melayu berasaskan kasta. Mereka mengangkat dan melatih kelas menengah Melayu untuk dijadikan alat. Pada masa yang sama, mereka tidak melakukan program mobiliti masyarakat Melayu kerana dibimbangi menjadi penentang kepada usaha mereka.

Bermula dengan Perjanjian Pangkor pada tahun 1874, British menyusun program menguasai negeri Melayu di sebelah pantai barat Tanah Melayu. Pihak British menguasai negeri Melayu yang kaya dengan bijih timah seperti Perak, Selangor, Sungai Ujong dan Pahang (tahun 1888) dengan memperkenalkan sistem Residen dan Majlis Mesyuarat Negeri (E. Sadka, 1960). Akhirnya, keempat-empat negeri Melayu ini telah digabungkan menjadi pusat Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pada tahun 1896. Banyak kuasa autonomi NNMB telah diserahkan kepada kerajaan persekutuan di bawah British di Kuala Lumpur (Khoo Kay Kim, 1966).

Situasi politik ini telah merisaukan golongan sultan dan pembesar Melayu. Serangan penentangan terhadap British telah dilancarkan, namun berjaya dipatahkan oleh pihak British. Sultan-sultan Melayu yang belum dikuasai oleh penjajah British adalah Sultan Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Oleh itu, mereka telah menggunakan pendekatan Barat untuk mengekalkan kedudukan sultan dalam takhta kerajaan negeri. Ia dilakukan dengan memperkenalkan Piagam Perlembagaan Negeri dan Majlis Mesyuarat Negeri bagi mengelakkan kedudukan mereka digugat dengan mudah oleh penjajah British. Penerimaan pendekatan Barat oleh golongan sultan telah menyebabkan konsep Islam yang diserapkan dalam institusi pemerintahan kesultanan mulai dipinggirkan tanpa disedari. Akhirnya, sekularisme barat telah menggantikan konsep Islam dalam negeri-negeri Melayu.

Tindakan sultan-sultan Melayu telah menyebabkan pihak British berusaha mencari pelbagai cara untuk memujuk golongan sultan agar menerima Sistem Penasihat British. Akhirnya, usaha pembinaan Empayar British di Tanah Melayu telah berjaya apabila pihak British menandatangani Perjanjian Bangkok dengan Raja Siam pada tahun 1909 yang mendapat sambutan baik daripada sultan-sultan Negeri Melayu Utara kecuali Terengganu. Ini diikuti oleh perjanjian yang ditandatangani di antara Sultan Johor (Sultan Ibrahim) dengan pihak British pada tahun 1914 dan persetujuan Sultan Terengganu dengan pihak British pada tahun 1919. Ini bermakna, penjajah British telah menguasai Negeri-negeri Melayu tersebut secara rasmi dan menggabungkan negeri-negeri tersebut di bawah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) pada tahun 1919.

Namun begitu, kejayaan rancangan British ini masih tidak dapat memenuhi kepuasan dasar British di Tanah Melayu. Oleh itu, pihak British telah menerima polisi *Decentralisasi* yang dikemukakan oleh Sir Laurence Nunns Guilemard di dalam NNMB pada tahun 1920 untuk menarik perhatian NNMTB menyertai rancangan NNBM bagi membentuk sebuah persekutuan yang lebih besar daripada NNMB yang dikenali sebagai *British Malaya* (L. A. Mills, 200).

2.1 *Impak Sejarah Lampau kepada Malaysia*

Sejarah lampau telah meninggalkan banyak kesan kepada masyarakat Malaysia. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa perkara, antaranya;

2.2 *Unsur Kepercayaan Animisme Pra Islam Kekal dalam Masyarakat Melayu Moden*

Budaya mempercayai elemen animisme pra-Islam tetap wujud secara *partially* dalam masyarakat Melayu moden. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, pada era 1960-1980an telah muncul beberapa usaha untuk membangunkan status masyarakat Malaysia ke arah yang lebih baik berbanding dengan zaman penjajahan kuasa barat. Usaha ini telah memberikan penekanan kepada kepentingan masyarakat Malaysia meniru konsep pembangunan Barat, dengan

menerima pakai secara mutlak segala formula pemodenan Barat yang diharapkan akan menaikkan taraf hidup masyarakat Malaysia yang baru merdeka (Baharudin Ahmad, 1994). Sikap *taqlid* kepada formula Barat ini tidak terhad kepada penerimaan konsep secara makro semata-mata, bahkan turut cuba meniru sikap materialisme (Muhammad Syukri Salleh, 1990) dan sistem pemikiran Barat yang lebih mementingkan persoalan rasionalisme - saintifik mengatasi pemikiran tradisionalisme (Abdul Rahman Abdullah, 2001).

Usaha ini telah menjadi agenda utama pihak pemerintah yang lebih dikenali sebagai Program Revolusi Mental (Shaharuddin Maaruf, 1993) yang kemudiannya disusuli pula dengan dasar DEB yang telah memberikan penekanan yang lebih terhadap subjek Sains di dalam institusi pendidikan (Mohd Zuhdi Marsuki, 2000). Dalam hal ini, seorang sarjana Melayu menyatakan:

“Anak-anak Melayu yang dianggap cerdas di peringkat sekolah ditapis dan disalurkan agar menjurus ke bidang sains semata-mata. Program menghantar anak Melayu ke luar negara dalam pelbagai bidang sains dan teknologi dipertingkatkan ke tahap maksimum. Menjelang akhir tahun 1970an dan awal 1980an, program ini telah berjaya melahirkan satu masyarakat Melayu yang celik sains atau mempunyai kesedaran sains yang tinggi” (Hairudin Harun, 2001).

Strategi pemodenan ini kemudiannya telah dilanjutkan dengan cukup berkesan oleh Perdana Menteri Malaysia keempat, Dr. Mahathir Mohamad, sehingga dasar PM keempat digelar sebagai Mahathirisme yang mampu mengubah status Malaysia kepada negara maju seperti negara industri Barat (Khoo Boo Teik, 2001). Intipati utama Mahathirisme ini boleh dilihat kepada penekanan yang lebih besar terhadap peranan S&T, industri berat, penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan dasar ICT dan menangani Islam dengan pendekatan yang bersifat moden (Khoo Boo Teik, 2001).

Ironisnya, mengikut pengamatan kritikal yang dibuat oleh beberapa orang sarjana-saintis Melayu moden, masih lagi terdapat beberapa kekurangan dalam *world-view* Melayu. Hal ini dirujuk kepada:

- 1) Kelas profesional Melayu baru yang dilahirkan melalui DEB ini tidak menunjukkan paradigma pemikiran yang bersifat rasionalisme, objektifisme dan saintisme seperti yang diharapkan oleh Mahathirisme. Hal ini boleh dirujuk kepada sikap dan *trend* golongan ini yang dilaporkan telah terjebak ke dalam krisis mempercayai bomoh (The New Straits Times, 15hb Dis. 1996). ajaran sesat dan kepercayaan *occult* (Hairudin Harun, 2001) yang biasanya dilakukan oleh masyarakat Melayu tradisional.
- 2) Kelas profesional Melayu baru yang kononnya dilahirkan dengan dasar Penswastaan Malaysia telah terlibat dalam jumlah yang besar di dalam krisis pecah amanah, rasuah dan pelbagai kesalahan jenayah perdagangan (Muhammad Kamal Hasan, 1996).

Hasil kajian ilmiah yang dilakukan terhadap sekumpulan golongan ajaran sesat di kawasan Tengah dan Pantai Timur Malaysia mendapati sumber utama ajaran sesat ini adalah berpunca daripada fahaman animisme dan *tasawwuf* falsafah yang diselewengkan (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2007). Antara butiran yang dimaksudkan;

- 1) Ajaran *wahdatul wujud* yang mengatakan apabila manusia telah mencapai *maqam* tertentu dan dapat bersatu dengan Allah, maka segala taklif syara' akan gugur daripadanya. Ini bermakna, orang tersebut tidak lagi perlu melakukan kewajipan agama seperti penganut Islam yang lain.
- 2) Mengetahui ilmu hakikat perlu diutamakan daripada ilmu syariah. Ini kerana ilmu syariah hanya menyentuh dimensi kulit tanpa mampu mendalami persoalan hakikat (Zakaria Stapa, 2002).
- 3) Akibat mencapai makrifat yang menyebabkan taklif syara' gugur.
- 4) Penggunaan istilah *tasawwuf* falsafah yang diselewengkan (Abdul Fatah Haron Ibrahim, 1994).
- 5) Fakta sejarah penindasan pengikut Hamzah Fansuri oleh pengikut *tasawwuf* Sunni di Aceh sering digunakan bagi meraih simpati dan memastikan ajarannya disembunyikan daripada pengetahuan pengikut *tasawwuf* Sunni.

Hal ini secara langsung menunjukkan dua perkara utama;

- 1) Ajaran *tasawwuf* falsafah yang diharamkan ini masih lagi hidup secara tersembunyi, yang kemudiannya diterapkan dengan pelbagai elemen khurafat yang menyesatkan.
- 2) Usaha Nuruddin Raniri memerangi fahaman ini adalah sangat berpandangan jauh dan mendahului zamannya. Hal ini wajib diteruskan oleh generasi yang akan datang bagi memastikan perjuangan ulama silam tidak sia-sia.

Masalah kelemahan *world-view* kolot ini telah menyumbang kepada masalah kepimpinan dalam politik feudal Melayu. Hasil kajian sarjana telah dikenalpasti beberapa masalah utama:

- 1) Fenomena pemilihan ahli bukan dibuat berasaskan kepada pencapaian prestasi, tetapi berasaskan kepada faktor kronisme; siapa yang menunjukkan sifat taat setia yang tidak berbelah bagi kepada ketua. *Trend* ini telah mencetuskan bibit fanatisme yang amat parah untuk jangka masa yang panjang. Bagi Muhammad Kamal Hassan (1996), *trend* ini telah mewujudkan amalan hamba-tuan atau penaung-pelanggan (*patron-client*). Tanda-tanda: penerusan tradisi hamba-tuan (*slave-master*). penaung-pelanggan (*patron-client*) yang berlebihan, kepatuhan dan

penyanjungan kepada pemimpin/ketua mendapat balasan lumayan, perbezaan pendapat dianggap penentang dan penderhaka yang membawa padah akan mengakibatkan kehilangan kerasionalan, objektiviti, kekreatifan berfikir, kewarasan dan kebijaksanaan di kalangan mereka yang terdidik (ilmuwan dan muda bestari). Ini akhirnya akan membantutkan kemajuan kreativiti, kebebasan dan peningkatan berfikir di kalangan umat Islam yang akan membawa kepada kebekuan, ketinggalan zaman dan kemunduran. Rentetan daripada *trend* ini, telah lahir golongan barisan pelapis pemimpin politik yang melihat bidang politik sebagai medium utama untuk mendapat kekayaan segera dan menonjolkan kehidupan mewah yang melampau. Hal ini diterangkan oleh Muhammad Kamal Hasan sebagai (Muhammad Kamal Hasan, 1996);

- a. Pandangan dan pegangan liberal-sekular. Tanda-tanda: untung/manfaat wang dan harta benda diutamakan, manakala nilai, hukum dan amalan agama dihadkan di majlis dan tempat agama sahaja dan tidak boleh masuk ke dalam perkiraan bisnes (walaupun haram seperti judi, riba', arak, hiburan haram) kerana keuntungan dan pendapatan lumayan diutamakan;
 - b. Gaya hidup menunjuk-nunjuk dan berlagak. Tanda-tanda: menagih kemewahan, perhiasan yang mahal, keinginan setanding dengan golongan atasan, penimbunan harta tanpa keinsafan berzakat, menghadiahhi tokoh-tokoh berpengaruh demi muslihat tertentu dan jurang perbezaan sosial meluas.
- 2) Elemen pengarah tugas yang tidak jelas dan jarang diikuti oleh anggota parti. Beberapa perkembangan boleh diberikan sebagai contoh seperti:
- a. Walaupun wujud pelbagai jawatankuasa khusus bagi menangani permasalahan rakyat, namun ia tidak berfungsi dengan baik dan sering diselewengkan untuk kepentingan peribadi dan puak sendiri;
 - b. Wujud penyakit politik wang. Tanda-tanda: pembelian undi untuk jawatan dalam parti dan kerajaan berleluasa menjelang setiap pilihan raya dan pemilihan parti, gejala rasuah politik oleh golongan berkepentingan, amalan tidak beretika dan kaedah ugutan, pemerasan dan kekerasan politik ala Machiavellian dan hubungan simbiosis antara syarikat besar dengan tokoh politik;
 - c. Projek pembangunan tidak sampai kepada sasaran (rakyat) terpaksa melalui orang tengah dan tokoh politik di peringkat tempatan.
- 3) Elemen pengembangan parti politik yang agak lemah. Ianya merujuk kepada kelemahan di dalam program pembangunan sistem politik seperti (Jamaie Hamil, 2004):
- a. Wujudnya elemen feudalisme dalam soal pemilihan pemimpin - jawatan penting hanya berkisar dan dimiliki oleh keluarga golongan bangsawan politik yang khusus.
 - b. Sikap konservatisme ataupun ingin mengekalkan status quo kuasa mendorong proses pengembangan idea baru tidak dapat berlaku dengan baik. Apatah lagi, sesetengah pemimpin politik enggan mengambil golongan cerdik pandai sebagai anggota parti kerana takut akan mencabar kuasa yang dimilikinya.
 - c. Wujudnya fenomena pemilihan elit politik yang berasaskan elemen kekerabatan dan status ekonomi (korporat) melebihi faktor kebolehan sebenar yang mungkin dimiliki dari kalangan masyarakat awam.
 - d. Golongan ulama hanya bertindak sebagai alat justifikasi kepada program yang dijalankan oleh elit politik.
 - e. Wujudnya pengaruh sistem ekonomi kapitalisme yang tinggi dirujuk kepada meluasnya fenomena elit politik berkerja untuk menjaga kepentingan elit ekonomi daripada menjaga kepentingan masyarakat massa.
 - f. Fenomena kegiatan elit politik yang tidak berpandukan kepada satu set undang-undang dan peraturan yang jelas, menyebabkan mereka mengatasi undang-undang dan bukannya tertakluk kepada undang-undang.
 - g. Fenomena campurtangan elit politik yang berlebihan di dalam bidang penguatkuasaan undang-undang.
 - h. Fenomena perpecahan masyarakat Melayu daripada kalangan parti pemerintah ataupun parti pembangkang, walaupun kedua-duanya menganut dan mengamalkan ajaran Islam yang sama. Kedua-dua pihak lebih menekankan agenda yang terlalu bersifat politik terhadap sesuatu isu yang timbul dan menyebabkan keduanya tidak dapat bersatu dalam menghadapi dominasi politik oleh golongan bukan Melayu di Malaysia (Shukri Ahmad, 2001).

3.0 ISLAM FORCE YANG RELEVAN DALAM MASYARAKAT MELAYU

Secara positifnya, didapati Islam masih lagi relevan dalam masyarakat Melayu selepas merdeka. Islam sentiasa menjadi kuasa terpenting dalam masyarakat Melayu. Kuasa ini menjadikan apa sahaja yang berkaitan dengan Islam akan sentiasa relevan dalam masyarakat Melayu. Terdapat beberapa bukti yang memperlihatkan nisbah ini, seperti:

- 1) Islam dianggap sebagai alternatif untuk menangani isu globalisasi-fahaman sekularisme, ekstremisme, integrasi kaum dan perpecahan politik Melayu;
- 2) Sikap proaktif orang Melayu dengan cubaan yang mencabar hak istimewa Melayu-Islam. Hal ini boleh dilihat dari respon positif orang Melayu dalam isu murtad, tuntutan IFC dan isu kalimah Allah;

- 3) Kepesatan industri ekonomi dan Takaful Islam;
- 4) Isu politik Islam tetap utuh dalam masyarakat Melayu. Ia membabitkan soal etika dalam pemilihan pemimpin politik UMNO.

Selepas Malaysia merdeka, peranan IPT Islam dalam melahirkan modal insan yang holistik telah diakui oleh banyak pihak termasuklah pihak kerajaan dan sektor pasaran kerja. Ia didorong oleh kewujudan modal insan daripada IPT Islam di dalam dan luar negeri yang mampu bertindak sebagai pemangkin pembangunan sosial dan ekonomi di Malaysia. Fenomena ini dapat dilihat daripada beberapa perkara utama:

Pertama, rekod dan testimoni sejarah yang menyaksikan IPT Islam klasik seperti pondok dan Universiti al-Azhar telah mampu membekalkan sejumlah sarjana dan tenaga kerja untuk sektor perundangan dan pentadbiran Islam di Malaysia (Mahmood Zuhdi et al, 2005). Dalam banyak perkara, pondok telah mampu bertindak dalam melahirkan modal insan Islam merujuk kepada semua aspek keusahawanan, kemahiran berfikir, komunikasi dan sebagainya (Mahmood Zuhdi Abd Majib, 2013).

Kedua, pertambahan kesedaran dan kesungguhan ibubapa yang menghantar anak ke sekolah agama. Hal ini boleh dibuktikan dengan dapatan kajian semasa yang menunjukkan bagaimana kebanyakan keluarga Melayu moden masih menaruh harapan yang tinggi terhadap bidang pengajian Islam, dengan memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama serta sanggup membelanjakan wang ringgit untuk menghantar anak-anak melanjutkan pelajaran ke peringkat IPTA/IPTS dalam aliran Pengajian Islam (Marzuki Haji Mahmood, 2003).

Ketiga, kajian yang menunjukkan realiti sektor pasaran kerja awam dan swasta di Malaysia yang memang terbuka dan memerlukan kepakaran yang dimiliki oleh lulusan Pengajian Islam. Hasil kajian emperikal yang dijalankan oleh para penyelidik daripada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia dalam tahun 1999-2000; mendapati bahawa prospek kerjaya untuk graduan Pengajian Islam adalah amat cerah sekali, berdasarkan kepada empat faktor yang utama (Muhammad Syukri Salleh, 2002):

- a. Pasaran pekerjaan di Malaysia dalam pelbagai bidang yang lebih luas (perkhidmatan, perlombongan, perkilangan, pembinaan, kewangan, profesional dan pertanian) menunjukkan keadaan yang memberangsangkan;
- b. Kebolehan, kemahiran ICT dan keupayaan pengurusan moden sangat ditekankan di dalam perancangan pembangunan lima tahun Malaysia, yang seiring dengan pertumbuhan pesat dalam permintaan pasaran terhadap kemahiran dan pengurusan dalam dunia global;
- c. Permintaan pasaran tenaga kerja negara terhadap para pekerja yang mempunyai nilai-nilai dan kualiti positif juga secara logiknya boleh dipenuhi oleh graduan Pengajian Islam;
- d. Para majikan dikesan sangat berminat untuk mendapatkan pekerja mahir dalam kedua-dua ilmu agama dan ilmu kemahiran semasa.

Secara jelas, didapati bahawa majikan di Malaysia bersikap positif dan percaya dengan kemampuan graduan Pengajian Islam. Hal ini dijana dengan pengetahuan pihak majikan dengan segala penambahbaikan yang dijalankan oleh IPT Islam. Dalam tempoh setiap lima tahun IPT Islam akan melakukan kajian penambahbaikan program pengajian. *Part of parcel* daripada kajian ini membabitkan keberkesanan dan kehendak pasaran yang membekalkan kesemua keperluan yang dikehendaki oleh sektor pasaran kerja.

Keempat, pertambahan jumlah pelajar antarabangsa yang menyambung pengajian mereka di IPT Malaysia sebagai contoh dalam kes pelajar Indonesia yang menunjukkan pertambahan yang agak besar. Jika dahulu selepas Malaysia mencapai kemerdekaan khidmat pakar daripada IPT Indonesia sangat diperlukan untuk melatih kalangan pelajar dan sarjana Malaysia dalam bidang pengajian Islam, kini hal ini telah berubah sama sekali.

4.0 PENGARUH KOLONIAL UTUH DALAM STRUKTURAL MASYARAKAT MALAYSIA

Punca utama pengaruh kolonial ini tetap mendominasi masyarakat Melayu adalah kerana ia dibuat berasaskan budaya ilmu. Hal ini adalah kerana, mana-mana tamadun yang dibuat berasaskan budaya ilmu, walaupun salah tetapi hasilnya akan tetap kekal utuh. Merujuk khusus kepada penjajahan British di Tanah Melayu, projek kolonialisasi dapat bertahan lama, di mana sesetengah hasilnya masih kekal hingga zaman sekarang (Mohd. Noor Mat Yazid, 2014). semua berpunca daripada pengamalan budaya ilmu. Hal ini dapat dilihat daripada usaha pihak kolonial mengumpul, mengklasifikasi, mengkaji, mengulas dan menerapkan dasar yang khusus untuk masyarakat Melayu daripada bahan ilmu atau maklumat yang terkumpul.

Dalam konteks Malaysia, proses penghakisan yang sepatutnya ke atas hal ini sedang dilakukan. Proses penolakan prinsip kolonial yang terpilih hanya boleh dibuat melalui proses ilmu. Ia pasti akan mengambil masa yang panjang, sesuai dengan realiti sejarah Malaysia terjajah dalam tempoh yang sangat panjang.

Apa yang jelas, pengaruh ilmu kolonial ini dapat dikesan dalam dua bentuk utama. *Pertama*, konsep ilmu yang diperkenalkan dan digunapakai tanpa dikritik selepas Malaysia merdeka. Konsep dan epistemologi ilmu tajaan kolonial

ini dianggap seolah-olah ia semula jadi sejak azali tanpa ada cacat cela. *Kedua*, pengaruh falsafah kolonial yang diterapkan dalam kehidupan bernegara di Malaysia.

Ilmu kolonial adalah ilmu yang dihasilkan oleh sarjana-pentadbir British di Tanah Melayu. Ia mengandungi banyak maklumat tentang masyarakat tanah jajahan bagi tujuan pengawalan dan pemantauan yang sepatutnya. Selain itu, ia berupa pelbagai kajian yang membabitkan latar belakang manusia Alam Melayu dalam bentuk laporan, hasil bancian, jurnal ilmiah, catatan peribadi, bibliografi dan manuskrip.

Hal ini ditegaskan oleh Knaap G (1994); *In order to rule the colonies properly, the colonial power of the time were of the opinion that they needed not only a strong army and navy and a well-trained civil service, but also scholarly and practical knowledge of the indigenous society. Scholarly interest in the colonies can thus be interpreted as an offspring of the process of colonial state formation. During the nineteenth and early twentieth centuries, in England and France as well as in the Netherlands, all sorts of journals came into being to disseminate knowledge about the colonies. Few of these journals survived the wave of decolonization after the Second World War. In the Netherlands only two survived, Bijdragen and (Nieuwe) West-Indische Gids, founded in 1919. The other well-known journal on Southeast Asia from this period that is still in existence is the Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, founded in 1878.*

Dari petikan dinyatakan, diketahui bahawa matlamat pengumpulan semua perkara membabitkan masyarakat dan Alam Melayu sebenarnya untuk memahami dan membentuk ilmu tentang masyarakat Melayu, yang dijadikan asas atau alat untuk menguasai mentaliti masyarakat Melayu. Ia berasaskan dasar dan epistemologi (falsafah, pendekatan, metodologi dan tafsiran) yang dilakukan oleh sarjana penjajah kolonial British tentang masyarakat tanah jajahan.

Lebih tepat lagi, ilmu kolonial tergolong dalam disiplin orientalism, iaitu ilmu yang mengkaji ruang fizikal dan abstrak/pemikiran masyarakat bukan Barat. Orientalis ialah golongan ilmuan yang mengkaji Islam dari sudut pandangan mereka. Mereka mengkaji 'Timur' secara budaya bahkan ideologi, sebagai suatu bentuk wacana dengan sokongan institusi, kosa kata, keilmuan, imaginasi, doktrin, bahkan birokrasi kolonial dan gaya kolonial (Edward, W. Said, 1985). Mereka mendakwa kajian itu dilakukan demi nilai ilmiah murni tanpa ada maksud dan tujuan yang lain. Namun begitu, pandangan metodologi orientalis mengandungi pelbagai bentuk konfrontasi terhadap kebudayaan tertentu. Ia dikonstruksi khusus untuk membezakan antara kedua masyarakat tadi tanpa mengambilkira persetujuan masyarakat Timur.

Ilmu kolonial berasaskan kepada falsafah *Euro-Centric* yang bertopengkan kaedah objektif. *Euro-centric* adalah cara pandang dan *world-view* Barat dalam memahami dunia dan sesuatu perkara berasaskan metodologi ilmu dalam bidang Sains Sosial dan Sains. Ia tidak bersifat objektif tetapi terpengaruh dengan *world-view* Barat. Sayugia difahami bahawa setiap pemikiran dan perilaku manusia pasti terpengaruh dengan agama, ideologi dan sosio-budaya yang dipercayainya. Pandangan mereka terhadap sesuatu akan mengikut perspektif sendiri tanpa mempedulikan samada ianya betul atau tidak (Özay, M., 2013). Berdasarkan itu, hal yang sama terjadi pada ilmu kolonial yang boleh dilihat pada intipati *euro-centric*.

Bagi mengekalkan ilmu kolonial ini dalam tempoh yang lama, mereka berusaha untuk menunjukkannya sebagai suatu ilmu yang objektif. Hal ini dapat dilakukan dengan menerbitkannya ke dalam jurnal akademia antarabangsa milik mereka sendiri. Selepas merdeka, penerbitan *The Asiatic Society* dianggap bermutu tinggi kerana dianggotai oleh penyelidik dari seluruh dunia. Tulisan sarjana-pentadbir British telah diterbitkan dalam jurnal di bawah *Royal Asiatic Society* yang dianggap objektif (betul) pada waktu silam. Mereka percaya bahawa paparan setiap keluaran artikelnya tidak bias dan disahkan oleh pakar penyelidik yang lain (*peer review*) (Bernard Cohn, 1997).

Pada waktu itu tidak ada sarjana yang boleh membantah dan memperbetulkan kesilapan pandangan mereka. Ia seperti proses ijmak (mendapat persetujuan ahli yang pakar) yang bakal mengangkat status kajian menjadi objektif dan dijadikan rujukan ramai. Di Malaysia sendiri, selepas merdeka, penerbitan jurnal ilmiah tempatan masih kuat terpengaruh dengan jurnal milik British yang berteraskan *world-view euro-centric*. Maknanya, hegemoni British turut meninggalkan kesan mendalam kepada penerbitan jurnal ilmiah tempatan, khususnya apabila setiap artikel terbitan sarjana-pentadbir British akan dianggap sebagai rujukan yang paling berotoriti (Tiew, Wai Sin, 1998).

Status ilmu kolonial secara tidak langsung telah diperkukuhkan melalui kaedah hegemoni. Pihak British telah menggunakan pendekatan dominasi dan hegemoni dalam penjajahan Tanah Melayu. Dominasi akan menggunakan kuasa ketenteraan. Manakala hegemoni akan menggunakan pendekatan intelektual. Proses hegemoni berlaku apabila masyarakat, seperti masyarakat Melayu seakan bersetuju dikuasai oleh British kerana ia dibuat melalui saluran yang sah seperti:

- 1) Mendapat pengesahan autoriti Sultan Melayu. Kononnya Sultan Melayu memperkenankan British datang menjajah dengan matlamat untuk mengajar orang Melayu;
- 2) Dibantu dengan undang-undang khusus;
- 3) Dibantu dengan sistem pendidikan British bila mana masyarakat didedahkan dengan keunggulan sistem British berbanding dengan sistem yang sedia ada di Tanah Melayu.

Oleh itu, dapat difahami bahawa ilmu kolonial adalah ilmu tentang masyarakat tanah jajahan yang dikumpul, dianalisa dan dipersembahkan mengikut sudut pandang Barat. Walaupun ianya kelihatan agak lengkap, tetapi tetap mempunyai banyak kelemahan, seperti (Hanapi Dolah, 1983);

- 1) Ia bias pada pihak kolonial. Mereka telah mewujudkan Pre-Conceived Idea berbentuk binari; bahawa peribumi lemah dan perlu di tamadunkan melalui penjajahan;
- 2) Tidak lengkap kerana dibuat sepintas lalu dan umum semata-mata;
- 3) Mereka menilai dan membawa pengalaman di Eropah untuk dibandingkan dengan sejarah Tanah Melayu. Contohnya, mereka menerangkan tentang keburukan sistem feodal dan nisbah pemikiran kolot yang dipegang oleh orang Melayu dengan pengalaman bangsa Eropah zaman dark age. Hal ini salah kerana semasa Eropah berada di zaman dark ages, Tamadun Melayu-Islam sudah muncul di Alam Melayu dengan segala pencapaian yang tinggi;
- 4) Generalisasi orang Melayu yang sangat negatif kerana dikatakan sebagai bangsa petani yang malas dan tidak mempunyai keupayaan intelektual untuk berubah. Sedangkan mengikut Joel Kahn (Joel S. Kahn, 2006). hujah sifat stereotaip Melayu ini salah. Alasannya, ia menyebut pada abad ke 19 hingga 20 telah wujud ramai orang Melayu yang menjadi saudagar di kawasan bandar yang sedang berkembang pada waktu penjajahan British. Bahkan peratusan mereka mencapai sebelas hingga lima belas peratus daripada penduduk bandar besar daripada tahun 1911 hingga 1947.

Sejarah keilmuan dunia mencatatkan bagaimana sesuatu doktrin dapat bertahan lama seandainya ia memenuhi empat syarat utama, *pertama*; kesahihan logika dan argumen, *kedua*; mempunyai maklumat lengkap dalam sesuatu korpus ilmu, seperti maklumat ethnografi dan sains botani. *Ketiga*; menarik perhatian orang untuk dikaji dandiikuti. *Keempat*; mampu diterapkan terhadap kes yang dihadapi (*aplicable*) (Amir Mualim, 2006).

Dalam kes ilmu kolonial, keempat-empat syarat ini telah dipenuhi yang menyebabkan ia kekal hingga selepas Tanah Melayu merdeka. Hal ini berlaku kerana:

- 1) Ilmu kolonial telah diwartakan dalam rangkaian jurnal ilmiah antarabangsa sebagai ilmu yang objektif dan tiada apa-apa agenda bias yang tersembunyi. Ia berkait secara langsung dengan penguasaan pihak kolonial Barat (British dan Belanda) terhadap jurnal-jurnal ilmiah ini. Jurnal yang dimaksudkan adalah *The Asiatic Society* dan *The Straits Branch of the Royal Asiatic Society*;
- 2) Penerimaan dunia akademia bahawa kaedah kajian yang diaplikasikan dalam kajian Alam Melayu memang bersifat objektif. Hal ini ditegaskan oleh Syed Farid al-Attas sebagai penjajahan akademik dunia Barat terhadap seluruh dunia. Semua falsafah dan teori ilmu Barat akan diikuti tanpa usul periksa;
- 3) Pihak British sebagai negara bekas penjajah Tanah Melayu memiliki koleksi perpustakaan historiografi yang lengkap tentang Alam Melayu. Koleksi ini terdapat di muzium British yang menjadi rujukan utama pengkaji zaman moden;
- 4) Pemimpin politik dan sarjana negara bekas tanah jajahan menganggap sistem pemerintahan dan epistemologi Barat sebagai yang terbaik. Ia diteruskan tanpa sebarang usaha untuk memperbetulkan hal ini.

Dalam soal *structural* masyarakat Malaysia, impak ilmu kolonial ini boleh dikesan dalam:

- 1) Pengenalan undang-undang British dan penghakisan undang-undang Islam (Musa Awang, 2015);
- 2) Perlembagaan Malaysia dengan intipati asasnya berteraskan falsafah sekularisme;
- 3) Mengasaskan masyarakat majmuk dengan segala asas yang menyebabkan masalah polarisasi kaum (Furnivall, J.S, 1948);
- 4) Takrif Melayu dan kawasan Melayu ditentukan oleh ilmu colonial (Nazri Muslim, 2011). Ia sesuai dengan prinsip *Nation State* (Charles Hirschman, 1986). di mana proses ketaatan dan kebersamaan dibawah konsep *ummah* telah dihakis sama sekali;
- 5) Koleksi historiografi Melayu yang dijadikan rujukan oleh pengkaji selepas merdeka. Contohnya teori Melayu malas dan kapasiti otak yang lemah.

5.0 KESIMPULAN

Sebagai rumusan akhir, dapat ditegaskan bahawa Malaysia dibentuk daripada satu siri sejarah yang agak panjang. Bagi memahami dan seterusnya bertindak dengan apa-apa dasar, kita perlu memahami latar belakang sejarah ini. Ia membabitkan beberapa tema dan faktor penting yang membentuk masyarakat Malaysia; budaya dan fahaman animisme, pengaruh Islam dan penjajahan British. Di zaman selepas merdeka, ketiga-tiga tema atau faktor ini tetap relevan dan mempengaruhi masyarakat Malaysia.

6.0 PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh skim geran penyelidikan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah – Muzium Pahang (ASARC) yang bertajuk Meraikan Ilmu (001.KOLONIALISME/2021). Sehubungan dengan itu, pihak penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada ASARC atas sumbangan dana yang telah diberikan.

7.0 RUJUKAN

- [1] Ab. Aziz Mohd Zin (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- [2] Abdul Fatah Haron Ibrahim (1994). *Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [3] Abdul Rahman Abdullah (2001). *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- [4] Amir Muallim (2006). *Ijtihad dan Legelasi Muslim Kontemporer*. Yogyakarta: UII Press.
- [5] Baharudin Ahmad (1994). *Falsafah Sains Dari Persepektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [6] Bernard Cohn (1997). *Colonialism and Its Forms of Knowledge: The British in India*. Oxford: Oxford University Press.
- [7] Charles Hirschman (1986). The Making of Race in Colonial Malaya: Political Economy and Racial Ideology. *Sociological Forum*. 1(2): 330-361. <https://www.jstor.org/stable/684449>
- [8] E. Sadka (1960). *The Residential System in The Protected Malay States, 1874-1895*. The Australian National University: Tesis Ph.D tidak diterbitkan.
- [9] Edward W Said (1985). *Orientalism, Middlesex*. Penguin Books.
- [10] Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007). Kajian Ajaran Sesat dalam Pengajian Islam: Satu Sorotan. *Jurnal Usuluddin*. 26: 1–22. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/5411>
- [11] Furnivall, J.S. (1948). *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*. New York: New York University Press.
- [12] Hairudin Harun (2001). *Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Maklumat; Antara Akal Budi Melayu dengan Budaya Fikir Digital*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [13] Hanapi Dolah (1983). Struktur dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Teoritis. *SARI*. 1(2): 125-139.
- [14] Jamaie Hamil (2004). *UMNO dalam Politik dan Perniagaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- [15] Joel S. Kahn (2006). *Other Malays: Nationalism and Cosmopolitanism in the Modern Malay World*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- [16] Khoo Boo Teik (2001). *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography Of Mahathir Mohamad*. Shah Alam: Oxford University Press.
- [17] Khoo Kay Kim (1966). The Federation of 1896. *Peninjau Sejarah*. 1(2): 6.
- [18] Knaap, G. (1994). One Hundred and Fisty Volumes of Bidragen, Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde. *150 Volumes of Bidragen: Abackward Glimpse and a Forward Glimpse*. 150(4): 637-652.
- [19] The New Straits Times, 15 Disember 1996.
- [20] M.B. Hooker (1976). The Terengganu in Malayan Legal History. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. 49(2): 127-131.
- [21] Mahmood Zuhdi Abd Majib (2013). Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Kelantan: Majlis Agama Islam Kelantan.
- [22] Mahmood Zuhdi, A.M., Idris, A., Mohd Kamil, A.M., dan Rahimin Affandi, A.R. (2005). Impak Graduan Universiti al-Azhar dalam Pembangunan Sosial di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*. 16: 1-36.
- [23] Marzuki Haji Mahmood (2003). Keberkesanan dan Sambutan Masyarakat terhadap Pengajian Islam di Institusi Pengajian Islam. Dalam Suzalie Mohamed. *Memahami Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- [24] Mohd Yusof Hasan (1991). *Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [25] Mohd Zuhdi Marsuki (2000). Pengajian Sains, Teknologi dan Masyarakat: Pendekatan Bersepadu Ke Arah Wawasan 2020. Dlm. *Pengajian Umum di Alaf Baru*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, UKM.
- [26] Mohd. Noor Mat Yazid (2014). Colonial Policy and The Impact to the Politico-Economy Stability After Independence: The Case of Indonesia Under the Dutch and Malaysia Under the British. *Review of History and Political Science*. 2(3&4): 69-84.
- [27] Muhammad Kamal Hasan (1996). *Toward Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysia*. Kuala Lumpur.
- [28] Muhammad Syukri Salleh (1990). *Pembangunan untuk Manusia atau Manusia untuk Pembangunan: Analisis Tentang Manusia dalam Pembangunan Berteraskan Islam, dalam Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang.

- [29] Muhammad Syukri Salleh (2002). *Prospek Kerjaya Graduan Pengurusan Islam di Malaysia*. Dlm. Wan Ab. Rahman Khudri Bin Wan Abdullah, *Pengurusan Islam: Konsep dan Amalannya di Malaysia*. Kedah, Penerbit UUM.
- [30] Muhammad Yusoff Hashim (1992). *Pensejarahan Melayu: Kajian Terhadap Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [31] Musa Awang (2015). Di Manakah Kita dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah? *Kanun*. 27 (1): 55-82.
- [32] Nazri Muslim (2011). *Islam dan Orang Melayu Menurut Perlembagaan dalam Konteks Hubungan Etnik: Kajian ke atas Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Universiti Malaya. Tesis PhD.
- [33] Özay, M. (2013). An Attempt to Understand the Driving Forces of Historiography in The Eurocentric Perspective in Southeast Asia. *İnsan & Toplum*. 3(6): 271-282.
- [34] Paul Wheatley (1961). *The Golden Chersonese*. Singapore: 88-90.
- [35] Rahimin Affandi Abd Rahim (2000). Memperkasakan Budaya Berfikir Islam: Satu Analisa. *Jurnal Afkar*. 3: 57-80.
- [36] S.M. Naquid al-Attas (1969). *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur.
- [37] Shahrudin Maaruf (1993). *Konsep Wira dalam Masyarakat Melayu*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- [38] Shukri Ahmad (2001). Implikasi Pengaruh Ulama Terhadap Halatuju Perubahan Pemikiran Politik Masyarakat Islam Wilayah Utara Semenanjung Malaysia dari Tahun 1950an hingga 1990an. *Jurnal Usuluddin*. 14: 110-111.
- [39] L. A. Mills (2003). *British Malaya 1824-07; C. M. Turnhull (edited for reprinting with a bibliography) & D. K. Bassett (a new introductory chapter on European influences in the Malaya Peninsula)*. Bandar Puchong Jaya. MBRAS.
- [40] Tiew, Wai Sin (1998). History of Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS) 1878-1997: An Overview. *Malaysian Journal of Library and Information Science*. 4(1): 43-60.
- [41] Yap Beng Liang (1989). *Stratifikasi Sosial dan Masyarakat Melayu*. Dlm. *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 78-79.
- [42] Zakaria Stapa (2002). Bahagian Kedua: Masalah dan Fenomena Ajaran Sesat di Malaysia. Dlm. *Wihdah al-Wujud dan Hubungannya dengan Masalah Ajaran Sesat di Malaysia*. Seminar Antarabangsa Dakwah dan Tariqat Tasawuf. Negeri Sembilan. 17-19 Ogos 2002.